



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE FORMATION OF MAHMUDAH MORALS AS A HUMAN DEVELOPMENT  
MECHANISM: ANALYSIS OF TAFSIR FI ZILAL AL-QURAN]**

**PEMBENTUKAN AKHLAK MAHMUDAH SEBAGAI MEKANISME  
PEMBANGUNAN INSAN: ANALISIS TERHADAP TAFSIR FI ZILAL AL-QURAN**

AZLI FAIRUZ LAKI<sup>1</sup>  
MOHD SHAFIEE HAMZAH<sup>1\*</sup>  
WAN HISHAMUDIN WAN JUSOH<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, Terengganu.

\*Corresponding author: [mshafiee@unisza.edu.my](mailto:mshafiee@unisza.edu.my)

Received Date: 7 Januari 2015 • Accepted Date: 28 Januari 2015

**Abstract**

*Mahmudah morality is an important mechanism in human development. Man as a caliph is always exposed to morals mahmudah (praiseworthy) and morals mazmumah (reprehensible) throughout life on this earth. Thus, the Qur'an has used several methods in ensuring that human beings are developed with simple morals. Thus, this paper aims to look at the morals of the ignorant Arab society mentioned by the Qur'an and explain the methodology of the Qur'an in the formation of simple morals in developing their potential as superior human capital. To collect data, the author examines the contents of the Qur'an and collects verses related to the theme of morality. For the purpose of analysis, this study uses deductive methods to draw conclusions about the methodology of the Qur'an in applying simple morals in human beings. The results of the study found that the Qur'an uses four approaches in instilling good morals in human beings, namely the creation of role models, the narration of the stories of previous generations, parables and threats and encouragement. The four methodologies used by the Qur'an are able to ensure that good morals are always embedded in the self because it is an approach that is in accordance with human nature and instincts.*

*Keywords: Akhlak Mahmudah, Pembangunan Ihsan, Fi Zilal Al-Quran.*

**Abstrak**

Akhlak Mahmudah merupakan mekanisme yang penting dalam pembangunan insan. Manusia sebagai khalifah sentiasa terdedah kepada akhlak mahmudah (terpuji) dan akhlak mazmumah (tercela) sepanjang kehidupan di muka bumi ini. Justeru, al-Quran telah menggunakan beberapa metode dalam memastikan manusia dibangunkan dengan akhlak mahmudah. Justeru, kertas ini bertujuan untuk melihat akhlak masyarakat Arab jahiliah yang disebut oleh al-Quran dan menjelaskan metodologi al-Quran dalam pembentukan akhlak mahmudah dalam membangunkan potensi mereka sebagai modal insan yang unggul. Bagi mengumpul data, penulis meneliti

kandungan kitab al-Quran dan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan tema akhlak. Bagi tujuan analisis, kajian ini menggunakan metode deduktif bagi membuat kesimpulan tentang metodologi al-Quran dalam menerapkan akhlak mahmudah dalam diri insan. Hasil kajian mendapati bahawa al-Quran menggunakan empat pendekatan dalam menanamkan akhlak mahmudah dalam diri manusia iaitu pewujudan suri teladan, penceritaan kisah-kisah generasi terdahulu, perumpamaan dan ancaman serta dorongan. Keempat-empat metodologi yang digunakan al-Quran ini mampu memastikan akhlak mahmudah sentiasa tertanam dalam diri kerana ia merupakan pendekatan yang sesuai dengan fitrah dan naluri manusia.

**Kata kunci:** Akhlak Mahmudah, Pembangunan Ihsan, Fi Zilal Al-Quran.

**Cite as:** Azli Fairuz Laki, Mohd Shafiee Hamzah & Wan Hishamudin Wan Jusoh. 2015. Pembentukan Akhlak Mahmudah sebagai Mekanisme Pembangunan Insan: Analisis terhadap Tafsir Fi Zilal al-Quran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1): 26-36

## PENGENALAN

Akhlak didefinisikan sebagai suatu sifat yang tertanam dan sebatikan dalam jiwa seseorang, menghasilkan perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Sekiranya akhlak itu baik menurut pertimbangan al-Quran dan al-Sunnah, maka ia termasuk perkara kebaikan. Sekiranya buruk mengikut keduanya, maka ia termasuk dalam perkara keburukan (Al-Ghazali, t.th). Oleh itu, penerapan akhlak mulia merupakan perkara yang diberi perhatian oleh agama. Nabi Muhammad s.a.w dalam satu hadis yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari telah menyebutkan bahawa penyempurnaan akhlak yang mulia merupakan antara tujuan pengutusan Baginda (al-Bukhari, t.th). Kondisi akhlak masyarakat Arab ketika kedatangan agama Islam berada di tahap yang paling teruk. Amalan zalim menzalimi, ceroboh mencero bohi, arak, judi, bertukar-tukar isteri dan pelacuran mendarah daging dalam masyarakat. Sayyid Qutb berkata:

Ketika Rasulullah s.a.w dibangkitkan menjadi rasul, taraf akhlak di sepanjang tanah Arab telah merosot ke takuk yang paling rendah di dalam pelbagai aspek di samping wujudnya kelebihan-kelebihan budi pekerti Badwi yang mentah dan primitif dalam masyarakat ini. Amalan zalim menzalimi atau ceroboh mencero bohi merupakan amalan yang lumrah dalam masyarakat... Arak dan judi merupakan adat masyarakat Arab yang lumrah di samping merupakan kebanggaan masyarakat... pelacuran –dalam pelbagai bentuk-adalah salah satu gejala yang menonjol di dalam masyarakat ini (Sayyid Qutb, 2009).

Pernyataan Sayyid Qutb menunjukkan akhlak masyarakat Arab jahilia di waktu awal pengutusan Rasulullah s.a.w adalah begitu rendah dengan menjadikan diri sebagai hamba kepada nafsu dan mereka menjalani hidup yang penuh dengan nilai-nilai negatif. Kriteria sebegini menjadikan masyarakat Arab pada waktu itu kurang berkualiti dan gagal membina tamadun yang tinggi disebabkan oleh sikap yang suka berfoya-foya dan asabiyyah yang meresapi setiap darah daging mereka.

Keadaan ini juga dijelaskan oleh Syeikh Safiyurrahman al-Mubarakfuri bahawa keadaan kehidupan sosial masyarakat Arab Jahilia ketika itu sangat parah tanpa aturan disebabkan sistem kasta dan sikap berpuak-puak yang begitu menebal dalam kalangan mereka.

Sistem sosial kehidupan mereka amat kontra antara satu lapisan masyarakat dengan lapisan yang lain. Kehidupan kaum bangsawan dipenuhi dengan segala kemewahan dan kehormatan manakala kehidupan kaum hamba pula penuh dengan kesengsaraan, kekurangan dan kehinaan yang tidak terperi (al-Mubarkafuri, 2000). Selain itu, kehidupan antara puak dan kabilah pula dipenuhi dengan persaingan dan pertikaian. Punca utama yang mendasari kehidupan asabiah ini ialah fanatisme kesukuan yang amat tinggi. Setiap kabilah wajib membela, membantu dan mempertahankan anggota kabilah masing-masing tanpa melihat sama ada perbuatannya itu benar atau salah. Cogan kata “Bantulah saudaramu, sama ada dia menzalimi atau dizalimi” dipegang oleh mereka secara literal. Ini berbeza dengan Islam yang melihat ‘bantuan kepada saudaramu yang menzalimi’ dalam konteks yang berbeza iaitu ‘membantu dengan cara mencegahnya daripada terus melakukan kezaliman (ibid).

## **AKHLAK MASYARAKAT ARAB MENURUT AL-QURAN**

Melihat kepada situasi masyarakat Arab jahiliah yang begitu rendah kualiti akhlak, al-Quran menempelak sikap tersebut. Al-Quran tanpa berselindung menyentuh sikap-sikap tersebut dengan menunjukkan kerendahan akhlak masyarakat Arab pada waktu itu.

### **Tatacara perkahwinan**

Imam Bukhari ada merekodkan sebuah hadis daripada Saidatina Aishah r.a yang menceritakan beberapa jenis perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliah pada zaman dahulu yang amat berbeza dari tatacara perkahwinan biasa yang dikenali oleh masyarakat Islam hari ini. Antaranya ialah nikah al-Istibdha’ iaitu seorang suami memerintahkan isterinya yang baru suci daripada haid agar meniduri lelaki lain yang lebih tinggi kedudukannya. Si suami tidak akan menyentuh si isteri tadi sehingga didapati si isteri telah mengandungkan bayi hasil hubungannya dengan lelaki asing itu. Ini dilakukan semata-mata kerana ingin mendapatkan ‘keturunan mulia daripada lelaki tersebut.

Selain itu, pernikahan jahiliah juga melalui cara sekumpulan lelaki (biasanya kurang dari sepuluh orang) meniduri seorang wanita. Apabila wanita tersebut melahirkan anak, dia berhak untuk memilih mana-mana lelaki daripada kumpulan tersebut sebagai suaminya dan bapa kepada bayinya itu. Dalam kes ini, mana-mana lelaki yang dipilih tidak boleh menolak (ibid).

Seorang lelaki masyarakat jahiliah juga boleh berpoligami tanpa batas, bahkan boleh bernikah dengan dua wanita bersaudara sekaligus. Mereka juga boleh mengahwini bekas isteri bapa mereka apabila diceraikan atau bapa mereka meninggal dunia. Talak juga boleh dijatuhkan tanpa had (Al-Bukhari, 1987).

Tatacara perkahwinan seperti yang dinyatakan oleh Saidatina Aishah r.a tersebut menunjukkan betapa rendahnya sistem perkahwinan kaum Arab jahiliah yang menjadikan sistem perkahwinan begitu kabur sehinggakan susur galur keturunan dianggap perkara begitu remeh sekali. Dengan perlaksanaan sistem perkahwinan tersebut, sesuatu keturunan ini menjadi tidak murni dan boleh diwarisi oleh keturunan yang tidak sah dari warisnya.

## **Membunuh anak perempuan dan bayi**

Selain itu, kelahiran anak perempuan merupakan satu perkara yang sangat mengaibkan bagi mereka. Kaum lelaki masyarakat jahiliah akan berasa kecewa dan bermuram durja apabila dikhabarkan mereka mendapat anak perempuan (Surah an-Nahl: 58-59) Oleh kerana tidak sanggup menanggung aib, mereka menanam dan menguburkan bayi perempuan tersebut hidup-hidup, tanpa ada rasa belas kasihan kepada bayi yang tidak berdosa itu. Perbuatan ini dikenali dengan nama Wa'd al-Banat. Allah SWT menyebut fenomena ini dalam firman-Nya: Maksudnya: Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup ditanya; disebabkan dosa apakah dia dibunuh? (Surah al-Takwir: 8-9).

Selain itu, perbuatan menguburkan bayi (termasuk bayi lelaki) hidup-hidup juga disebabkan beberapa faktor lain seperti kecacatan anggota badan, berlainan warna kulit dan bimbangkan kefakiran disebabkan kelahiran baru. Islam mencela dan mengharamkan perbuatan zalim tersebut di samping menganggapnya sebagai satu dosa besar (al-Bukhari, t.th). Allah SWT pula menempelak pelaku zalim tersebut dengan menegaskan bahawa Dia-lah Tuhan yang mengurniakan rezeki kepada si anak dan juga si bapa. Firman Allah SWT: Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takutkan kefakiran. Kami-lah yang mengurniakan rezeki kepada mereka dan kepadamu. Sesungguhnya, perbuatan membunuh mereka (anak-anak yang tidak berdosa itu) merupakan kesalahan dan dosa yang sangat besar (al-Isra': 31).

## **Meminum arak**

Masyarakat Arab jahiliah merupakan penagih arak tegar. Minuman keras menjadi lumrah kehidupan masyarakat. Mereka berkumpul beramai-ramai bagi meminumnya dan sentiasa membanding-bandingkan kualiti arak di antara mereka. Orang yang memiliki arak paling mahal akan merasa bangga dan mendapat penghormatan. Ketagihan yang keterlaluan ini menyebabkan ada sebahagian mereka tidak mahu memeluk Islam kerana agama ini mengharamkan arak. Melihat ketagihan arak yang sudah sebatu dalam diri masyarakat jahiliah, Allah SWT berdasarkan ilmu dan hikmahNya mengharamkan arak secara beransur-ansur dnegan melalui peringkat-peringkat tertentu (al-Maidah: 90-91).

## **Berleluasa Perzinaan dan Pelacuran**

Syeikh Safiyyurrahman menyebut bahawa perbuatan zina begitu berleluasa di dalam masyarakat Arab jahiliah. Fenomena keruntuhan akhlak ini berlaku secara meluas dalam setiap lapisan masyarakat lebih-lebih lagi di kalangan golongan hamba. Hanya sebilangan kecil sahaja yang terpelihara daripada kebiasaan buruk ini (al-Mubarkafuri, t.th).

Mereka dikatakan tidak malu apabila dikaitkan dengan perlakuan zina dengan mana-mana individu malah ada yang mengakuinya tanpa disuruh. Situasi ini dapat dilihat dalam beberapa kes yang berlaku pada zaman awal Islam. Imam Abu Daud ada meriwayatkan hadis tentang seorang lelaki yang bangun di dalam satu majlis Rasulullah SAW lalu mendakwa bahawa si polan itu adalah anaknya hasil perzinaan dengan ibunya ketika jahiliah (Abu Daud, t.th). Kisah pertelingkahan Saad bin Abi Waqqas r.a berkaitan saudaranya 'Utbah dengan 'Abd

bin Zam'ah r.a tentang status seorang anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan Zam'ah seperti yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Abu Daud juga mencerminkan fenomena tersebut (Al-Bukhari, t.th).

Sebagaimana perzinaan, kegiatan pelacuran juga berleluasa di tengah-tengah masyarakat jahiliah. Saidatina Aishah r.a seperti riwayat Imam Bukhari menyatakan bahawa golongan pelacur zaman Arab jahiliah meletakkan bendera merah di atas pintu rumah mereka sebagai tanda. Kaum lelaki bebas mendatangi mereka sama ada secara individu atau berkumpul. Apabila pelacur tersebut melahirkan anak, mereka akan memanggil ahli 'al-Qaafah' iaitu pakar yang mampu melihat persamaan antara seorang bayi dan bapanya melalui beberapa tanda. Apabila sudah ditentukan siapa si bapa, bayi tersebut akan dibincang kepadanya (ibid).

## **PENDEKATAN AL-QURAN DALAM MEMBENTUK AKHLAK MAHMUDAH SEBAGAI MEKANISME PEMBANGUNAN INSAN**

Penyakit kerendahan kualiti akhlak modal insan masyarakat Arab ini 'di ubat' oleh al-Quran dengan memperkenalkan satu mekanisme yang dikenali sebagai mekanisme akhlak mahmudah. Antara mekanisme yang disebut dalam al-Quran ialah pewujudan model peranan (role model), teguran dengan mendatangkan kisah, datang perumpamaan kepada akhlak dan menyebut ancaman dan memberikan dorongan motivasi.

### **Pewujudan suri teladan (*role model*)**

Pendekatan al-Quran yang utama dalam meninggikan kualiti akhlak modal insan dengan akhlak mahmudah ialah mewujudkan suri teladan sebagai rujukan utama dalam menerapkan akhlak mahmudah dalam diri. Pewujudan suri teladan oleh al-Quran merupakan salah satu kaedah yang cukup kuat pengaruhnya kerana al-Quran bukan sekadar ayat-ayat yang dibaca dan didengari, tetapi al-Quran diterjemahkan pada diri Nabi Muhammad s.a.w sebagai role model dalam kehidupan umat Islam. Allah SWT berfirman:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik (uswah Hasanah), Iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) (Surah al-Ahzab: 21).

Kaedah ini amat bersesuaian dengan perutusan Rasulullah SAW sebagai penyampai risalah kebenaran. Sejarah telah menyaksikan kehadiran sekumpulan manusia yang telah mampu untuk maju ke hadapan sekalipun pada awalnya kumpulan manusia tersebut begitu terkebelakang, tidak dikenali, serba mundur, berpecah dan kehilangan hala tuju sebenar (Wahbah Zuhaili, 1991). Kemudian, kumpulan ini telah berubah sikap dan pendirian apabila telah menerima dan mengakui kerasulan seorang pemuda yang ummi sebagai pembawa Risalah Kenabian. Semenjak daripada itu, kumpulan tersebut telah mengambil Rasulullah s.a.w sebagai

suri teladan dalam setiap aspek kehidupan. Natijahnya, kumpulan ini telah berjaya menjadi satu bangsa disegani dan dihormati oleh kawan dan lawan. Yang dimaksudkan dengan sekumpulan manusia tersebut ialah masyarakat Arab jahiliah. Setelah beriman dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai suri teladan, mereka menjadi manusia yang benar-benar berbeza berbanding sebelumnya. Firman Allah SWT:

﴿هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾

Maksudnya: Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf (al-Ummiyyin) seorang Rasul (Muhammad) di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan Hikmah. Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata (Surah al-Jumuah: 2).

Pewujudan suri teladan ini amat penting dalam pembentukan modal insan yang cemerlang. Ikutan kepada sunnah Rasulullah s.a.w sebagai suri teladan menjadikan seseorang itu membangun selari dengan kehendak al-Quran. Para sahabat telah memberi tumpuan yang khusus kepada setiap detik kehidupan Baginda s.a.w. Bahkan setiap perkataan, perbuatan, taqir dan akhlak Rasulullah s.a.w disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain.

Proses mengikut suri teladan ini tidak pernah putus terutama dalam aspek pembentukan akhlak. Bermula dari generasi para Sahabat yang meneladani akhlak Rasulullah s.a.w, kemudian generasi tabiin meneladani akhlak Rasulullah s.a.w menerusi periwayatan para sahabat, dan proses itu berterusan bertali arus sehinggalah umat Islam sekarang ini pun sewajarnya meneladani akhlak Baginda Junjungan s.a.w. Ikutan yang bersungguh-sungguh dan pengaplikasian sunnah Rasul s.a.w dalam setiap aspek kehidupan akan menjelmakan kembali satu umat yang kuat dan cemerlang.

Dalam memperlihatkan aspek akhlak sebagai mekanisme modal insan cemerlang, al-Quran memuji dan memperakui bahawa Rasulullah s.a.w memiliki akhlak yang begitu agung yang boleh diikuti sepanjang zaman. Firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ،

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.

Pembentukan akhlak yang mengambil Rasulullah s.a.w sebagai suri teladan akan memperlihatkan modal insan yang cemerlang disebabkan Rasulullah s.a.w merupakan penterjemahan kepada al-Quran itu sendiri. Kewibawaan Rasulullah s.a.w dan ketokohan Baginda menjadi sebutan di bibir masyarakat. Lihatlah bagaimana sejarah menggambarkan Rasulullah s.a.w. dengan ciri-ciri yang baik, akhlak yang mulia dan sikap yang pemurah. Baginda ialah orang yang terhormat di kalangan kaumnya, paling baik akhlaknya dan paling

penyabar. Baginda juga orang yang paling benar tutur katanya, paling berlemah lembut, paling pemaaf dan dermawan, paling baik amalan, paling menunaikan janji dan paling amanah. Baginda dipercayai dan diberi gelaran al-amin walaupun baginda ditentang hebat oleh Kaum Kafir Quraisy. Malah pada permulaan era dakwah Islam di Mekah, mereka tetap meletakkan barangan berharga di bawah jagaan Rasulullah s.a.w.

Di samping itu, ketokohan dan kewibawaan pada personaliti yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w telah memukau ramai pemerhati sejarah zaman berzaman merentasi sempadan kepercayaan dan keimanan. Maka tidak menghairankan apabila sarjana Barat juga turut menjulang Rasulullah s.a.w sebagai modal insan yang paling cemerlang yang pernah berjalan dan hidup di muka bumi ini. Micheal H. Hart dalam bukunya "The 100: A Ranking Of The Most Influential Persons In History" telah menamakan Rasulullah s.a.w sebagai tokoh yang menduduki tempat pertama dalam senarai manusia yang paling berpengaruh di dunia dengan katanya: "My choice of Muhammad to lead the list of world's most influential persons may surprise some readers and may be questioned by others, but he was the only man in the history who was supremely successful on both the secular and religious level...." (Michael H. Hart, 1978).

### **Menegur dengan mendatangkan kisah**

Kedua, al-Quran merekayasa akhlak modal insan dengan mengambil 'ibrah dari kisah al-Quran. Beberapa kisah kaum terdahulu yang mengalami krisis akhlak yang amat ketara ditonjolkan dalam al-Quran. Kisah kaum Lut adalah contoh terbaik dalam melihat bagaimana insan boleh menjadi hamba kepada hawa nafsu sendiri sekiranya perekayasaan modal insan meninggalkan nilai-nilai akhlak yang benar. Dalam ulasan Sayyid Qutb terhadap modal insan yang wujud pada waktu itu, beliau menyentuh tentang bagaimana penyakit rohani juga boleh menular sebagaimana penyakit fizikal. Jika penyakit fizikal menular dengan penyebaran virus, penyakit rohani pula berkembang kerana telah berlaku kekeliruan dalam pertimbangan terhadap norma-norma yang berlaku dalam lingkungan kehidupan. Kekeliruan yang wujud menyebabkan mereka menerimanya meskipun ia bersalahan dengan fitrah yang diatur oleh undang-undang Pengatur kehidupan (Sayyid Qutb, 2009).

Di samping Kaum Lut, Allah SWT menyebut tentang kehancuran Kaum Tubba', Kaum 'Ad dan Kaum Thamud. Mengulas mengenai kehancuran umat terdahulu, Sayyid Qutb mengingatkan supaya mengambil iktibar dari kisah kebinasaan generasi terdahulu. Mereka telah diberikan kekuatan dan kedudukan di bumi. Malah dikirimkan kepada mereka hujan yang teratur sehingga tanah menjadi subur serta mendapat rezeki yang melimpah ruah. Malangnya mereka melakukan maksiat sehingga Allah SWT membinasakan mereka kerana dosa-dosa mereka dan Allah SWT menggantikan mereka dengan generasi yang lain (ibid).

Jelasnya, kaum terdahulu telah dibinasakan oleh Allah SWT kerana mereka mempunyai akhlak yang buruk dengan Allah SWT. Mereka tidak mematuhi ajaran Allah SWT, sebaliknya melakukan dosa maksiat sebagai bukti yang mereka tidak menjalinkan hubungan yang baik dengan Pencipta. Mereka terus menafikan ajakan para pendakwah untuk membawa mereka ke arah kejayaan yang hakiki. Perkara ini sejajar dengan ayat 6 surah al-An'am: kemudian kami binasakan mereka kerana dosa mereka sendiri<sup>25</sup>. Ketika mentafsirkan ayat tersebut, Sayyid Qutb menegaskan bahawa perbuatan dosa yang akan membinasakan pelakunya sendiri dengan

menunjukkan fakta terhadap apa yang berlaku kepada kaum-kaum terdahulu. Kata beliau: Ia adalah satu aspek dari pentafsiran Islam terhadap sejarah bahawa antara faktor yang menyebabkan kehancuran sesuatu generasi dan penggantian dengan generasi yang lain ialah perbuatan dosa di kalangan ahli masyarakat tersebut. Pengaruh dosa ini akan menjerumuskannya ke arah kebinasaan. Hal ini terjadi kerana ia merupakan azab langsung dari Allah SWT seperti yang terjadi dalam sejarah bangsa lampau...(ibid).

### **Mendatangkan perumpamaan kepada akhlak**

Ketiga, al-Quran menggunakan pendekatan perumpamaan bertujuan untuk menjelaskan hakikat sebenar keburukan sesuatu akhlak serta mencegah insan daripada memiliki akhlak mazmumah tersebut. Ia. Sebagai contoh, Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ۝۱۲

Maksudnya: Dan janganlah sesetengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi maha mengasihani. (Surah al-Hujurat 49:12)

Di dalam ayat di atas, perbuatan mengumpat disamakan dengan perbuatan makan daging mayat. Perumpamaan ini dibuat kerana perbuatan mengumpat ini adalah sama status haramnya dengan memakan daging mayat. Ia juga menunjukkan betapa jijik dan kotornya perbuatan mengumpat tersebut apabila dibandingkan dengan memakan daging mayat saudaranya sendiri (Hamka, 2007). Dengan menggunakan pendekatan seumpama ini, keburukan sesuatu akhlak itu dapat dilihat dengan jelas. Kaedah ini boleh menjadi pemangkin yang berkesan dalam usaha menjauhkan modal insan daripada memiliki sikap-sikap negatif yang digambarkan dengan cukup buruk seperti itu. Ini akan menyebabkan modal insan yang dibina mempunyai benteng diri yang kukuh daripada terjebak dalam perilaku dan sikap yang tercela.

### **Mendatangkan ancaman dan memberikan dorongan motivasi**

Keempat, kaedah ancaman. Pelbagai bentuk azab dan seksaan digambarkan oleh Allah SWT supaya manusia tidak terjerumus dengan nilai-nilai akhlak yang buruk, rendah dan tidak berkualiti. Digambarkan bahawa penghuni neraka akan berhadapan dengan para malaikat yang menyiksa mereka tanpa rasa belas kasihan. Sebagai contoh, Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ  
 اللَّهُ مَا ءَامَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan (Surah Tahrim 66:6).

Dalam ayat ini Allah SWT mengancam sesiapa yang cuai dalam mendidik dan mengajar ahli keluarga dengan azab neraka yang diselia 19 malaikat yang bengis dan paling kasar. Mereka tidak akan berlembut dalam menunaikan tugas yang diberikan Allah SWT, tidak mengawalkan atau menundakan azab tersebut (al-Maraghi, 1946). Begitu juga azab Allah SWT yang pedih diancamkan jika memakan harta dengan cara yang salah, menghalang kerja-kerja dakwah, mengumpulkan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT (al-Qurtubi, 2001). Ancaman tersebut disebut dalam Firman Allah SWT di bawah:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَطْلِ وَيَصُدُّونَ عَن  
 سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٣٠ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا  
 فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتَكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ٣٠

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu (Surah at-Taubah 9: 34-35).

Allah SWT juga mengancam golongan peniaga dengan sebuah lembah paling bawah di dalam neraka yang digenangi dengan nanah bagi peniaga yang mengurangi timbangan apabila disukat untuk pembeli dan mencukupkan timbangan yang disukat apabila dia sendiri yang membeli (al-Tabari, 2001). Firman Allah SWT:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ١ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ٢ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ٣

Maksudnya: kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan

sukatan), iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi (Surah al-Mutafiffin 83: 1-3).

Begitu juga Allah SWT mengancam orang yang memakan harta anak yatim secara zalim dengan ancaman azab neraka yang begitu pedih. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ۝

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala (Surah an-Nisa' 4:10)

Dorongan motivasi dalam al-Quran pula datang dalam pelbagai bentuk. Allah SWT mendorong insan melakukan amal soleh dengan membawakan beberapa kelebihan yang bakal diperolehnya. Antaranya ialah dengan menyebut nikmat yang didapati hasil daripada hidayah dan kebaikan yang dilakukan dengan tujuan agar mereka berterusan mengikut syariat, akhlak dan peraturan-Nya. Perkara ini disebut dalam beberapa ayat seperti ayat 30-32 surah al-Nahl dan ayat 16 surah al-Jin. Dorongan motivasi juga datang dalam bentuk menyatakan kemenangan dan kemuliaan yang di kecapi oleh insan-insan yang beriman dan berakhlak tinggi sebagaimana yang tercatat dalam ayat 55 surah al-Nur dan ayat 21 surah al-Mujadalah. Kadang-kadang ia datang dengan dorongan memperoleh keselamatan, keamanan dan ketenangan hidup seperti yang tertera dalam ayat 96 surah Maryam dan ayat 3-6 surah Quraisy.

Kaedah mendatangkan ancaman dan dorongan motivasi ini mampu menjarakkan insan daripada terlibat dalam perilaku dan akhlak yang buruk sekali gus membentuk akhlak yang tinggi dan terpuji. Ini adalah kerana, secara fitrahnya, manusia sukakan perkara yang memberi manfaat dan kebaikan kepadanya serta akan berusaha menjauhkan diri daripada perkara yang menyusahkan dan merugikannya. Apatah lagi akibat buruk tersebut akan ditanggung di alam akhirat yang kekal selamanya.

## RUMUSAN DAN PENUTUP

Perbincangan di atas telah menghuraikan pelbagai sikap mazmumah yang wujud di zaman jahiliah yang telah disebut dalam al-Quran iaitu tatacara perkahwinan, membunuh anak perempuan dan bayi, meminum arak, perzinaan dan pelacuran. Dalam masa yang sama, perbincangan di atas juga telah mengetengahkan beberapa metodologi al-Quran dalam membanteras sikap mazmumah tersebut dari bermaharajalela dalam diri manusia iaitu pewujudan suri teladan, menegur dengan mendatangkan kisah, mendatangkan perumpamaan kepada akhlak, mendatangkan ancaman dan memberikan dorongan motivasi. Jelasnya, aspek akhlak merupakan mekanisme perekayasaan modal insan yang amat penting kerana kegagalan dalam merekayasa aspek ini akan menyebabkan pembinaan modal insan yang pincang. Panduan akhlak perlulah bersumberkan kepada Yang Maha Pencipta. Perkara ini penting kerana hanya Yang Maha Pencipta yang mengetahui setiap akhlak yang sesuai yang perlu di rekayasa dalam diri manusia. Sebaliknya, perekayasaan yang menggunakan sumber selain dari

Yang Maha Pencipta akan menyuntik nilai akhlak yang salah dan seterusnya akan menghasilkan modal insan yang bersikap mazmumah dan tidak berkualiti. Sebenarnya, sikap mazmumah ini telah menjadikan martabat manusia begitu rendah dengan kehidupan yang saling tidak ubah seperti kehidupan haiwan. Kedatangan al-Quran dengan metodologinya yang tersendiri, telah mengangkat martabat manusia ke darjat yang lebih tinggi sesuai dengan kedudukan manusia sebagai khalifah di bumi ini.

## RUJUKAN

- Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'as, *Sunan Abi Daud*, Kitab al-Nikah, no hadith 2274, j. 2, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabiyy, t.th
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Nikah, no. hadith: 4834, j.5, Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987
- Al-Ghazali, Abu Hamid (t.t), *Ihya' ulum al-Din*, j.3. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1946), *Tafsir Al-Maraghi*, j.28. Mesir: Syarikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa Al-Halabi Wa Auladuh
- Al-Mubarkafuri, *Safiyurrahman, al-Rahiq al-Makhtum*, Mesir: Dar al-Wafa', 2000
- Micheal H. Hart (1978), *The 100: a Ranking of the Most Influential Persons in the History*. New York: Carol Pub. Group